

# **BAB 4**

**PERANAN DALAM  
ASPEK PENDIDIKAN AGAMA**

## BAB 4 PERANAN DALAM ASPEK PENDIDIKAN AGAMA

### 4.1 Latar Belakang Perkembangan Islam di Terengganu.

Kebanyakan para sejarawan berpendapat bahawa kemasukan dan penyebaran agama Islam di Terengganu adalah lebih awal daripada Melaka. Hakikat ini telah dibuktikan dengan penemuan inskripsi Batu Bersurat di Sungai Tersat, Kuala Berang, Terengganu yang bertarikh pada hari Jumaat 4 Rejab 702H bersamaan 22 Februari 1303M. Konsep ketuhanan telah pun dikenali melalui istilah *Dewata Mulia Raya* yang memberi pengertian tentang Allah. Malah pengenalan hukum Islam yang berkaitan dengan hukum Fekah, iaitu termasuk hukuman terhadap orang yang berzina dan pemutang, juga turut digariskan. Pada penghujung abad ke-16, seorang ulama dari Hadramaut iaitu Syarif Muhammad, telah tiba di Hulu Terengganu untuk menyebarkan ilmu pengetahuan Islam.<sup>1</sup>

Namun demikian, kemasukan Islam ke Patani adalah lebih awal, iaitu kira-kira pada abad ke-10 atau 11 Masihi.<sup>2</sup> Kemudiannya perkembangan tersebut disusuli pula oleh kelahiran pengajian pondok yang seajar dengan berkembangnya ilmu pengetahuan di Aceh pada abad ke – 17.

<sup>1</sup> Beliau berasal dari Baghdad dan menetap di Ulu Terengganu. Lihat Muhamad Saleh Haji Awang ( MISBAHA ), *Mengkaji Sejarah Terengganu*, Jilid 1, Ahmadiyah Press, Singapura, 1954, hlm. 22 – 23.

<sup>2</sup> Bangnara, A., *Patani Dahulu dan Sekarang*, Patani, Penyelidikan Angkatan al-Patani, 1977, hlm. 6.

Abdullah Munshi pernah menyatakan di dalam catatannya berkenaan gambaran pengamalan Islam di Terengganu sewaktu beliau mengadakan pelayaran ke Pantai Timur Tanah Melayu pada bulan April 1838.<sup>3</sup> Beliau menyatakan bahawa institusi pengajian agama di Terengganu kebanyakannya menggunakan kitab Arab sebagai sumber rujukan dan pengajian berbanding dengan penggunaan kitab tulisan Jawi. Malah pembacaan al-Quran dan penulisan Arab dan Jawi penduduknya sangat baik. Di samping itu, terdapat madrasah yang didirikan di setiap kampung dan ianya menjadi pusat penyebaran Islam.<sup>4</sup>

Institusi ulama di Terengganu telah dimulai pada zaman Kesultanan Sultan Zainal Abidin I sewaktu pusat pemerintahan berada di Kuala Berang, Hulu Terengganu. Ulama yang masyhur pada zaman tersebut ialah Syarif Abdul Malik bin Abdullah (1650 – 1736M) yang lebih dikenali sebagai *Tukku Pulau Manis*. Beliau dikatakan lahir di Kampung Pauh, Hulu Terengganu dan mulai memperolehi pendidikan agama dari Aceh dan kemudiannya meneruskan pengajiannya ke Mekah selama lebih dari satu dekad.<sup>5</sup> Sewaktu

<sup>3</sup> Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, *Kesah Pelayaran Abdullah*, Malaysia Publications Ltd., Singapura, 1965, hlm. 32-33.

<sup>4</sup> Menurut Shafie Abu Bakar, sebelum kedatangan Islam ke Terengganu, orang Melayu Terengganu telah lama menjalin hubungan dagang dengan Khmer/Campa. Masyarakat Terengganu kebanyakannya yang tinggal di pesisir pantai adalah merupakan ahli pelayaran yang handal dan terkenal. Sejak zaman berzaman lagi Terengganu terkenal sebagai pusat pembinaan perahu kecil dan besar di Pantai Timur Semenanjung. Perahu besar dari Terengganu seringkali berulang alik berdagang ke Patani, Teluk Siam, Bangkok, Khmer dan Saigon serta kawasan selatan di Siantan, Riau, Inderagiri dan Sambas. Hubungan awal ini secara tidak langsung telah merintis kepada pembukaan jalan kemasukan Islam ke Terengganu. Lihat Shafie Abu Bakar, *Latar Belakang Keagamaan di Terengganu* dalam Abdullah Zakaria Ghazali (ed.), *Terengganu ; Dahulu dan Sekarang*, Persatuan Muzium Malaysia, Jalan Damansara, Kuala Lumpur, 1984, hlm. 3.

<sup>5</sup> Shafie bin Abu Bakar, *Institusi Syeikh Abdul Malik bin Abdullah ( Satu Corak Pengajian Tradisi di Terengganu ) dan Kitab-Kitab Padanya*, Tesis Sarjana di IBKKM,

berada di Aceh, beliau pernah berguru dengan Syeikh Abdul Rauf Singkel (1620 – 1639M) dan belajar pelbagai ilmu seperti Fekah, Usuluddin, Tasauf, Hadis, Nahu dan lain-lain di Mekah. Beliau merupakan pengarang kitab *Hikam Melayu* iaitu sebuah kitab pengajian Tasauf yang amat terkenal di rantau Asia Tenggara pada ketika itu.

Pada peringkat awalnya, beliau meneruskan tradisi pengajaran agama di Kuala Berang sebelum mengikuti proses perpindahan pusat pemerintahan sultan ke Pulau Manis. Syarif Abdul Malik berperanan sebagai guru agama dan penasihat Sultan Zainal Abidin I sehingga akhirnya beliau menjadi bapa mertua kepada sultan sendiri. Beliau juga memainkan peranan penting menentukan pelantikan Sultan Zainal Abidin I di Tanjung Baharu.

Selain daripada itu, catatan yang dipetik dari sumber salasilah<sup>6</sup> yang diperolehi oleh pengkaji menunjukkan bahawa terdapat seorang lagi ulama yang agak penting berperanan sewaktu pemerintahan Sultan Zainal Abidin I iaitu Tok Imam Mahmud bin Tok Fakoh Hassan yang berketurunan Melayu Patani. Beliau telah dilantik sebagai *Hakim Besar* pada waktu itu. Catatan tersebut juga menyatakan bahawa Tok Imam Mahmud merupakan pelajar Tukku Pulau Manis. Walau bagaimanapun, tidak terdapat suatu catatan yang jelas berkenaan peranan yang dimainkan oleh beliau, tetapi berdasarkan jawatan yang disandang secara tidak langsung memperlihatkan tugas dan

---

Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976/77, hlm. 73-97.; Shaharil Talib Robert, The Terengganu Ruling Class in the Nineteenth Century, *JMBRAS*, Vol. 50, 1977, hlm. 37-40.

<sup>6</sup> Salasilah dari koleksi Tuan Haji Wan Embong bin Wan Ismail, Bukit Besar, Kuala Terengganu.

amanah yang dipegang merupakan peranan yang amat penting terhadap kemaslahatan masyarakat sepenuhnya.

Malah apabila pusat pemerintahan berpindah ke Pulau Manis, maka pusat penyebaran agama juga turut berpindah ke kawasan tersebut. Pada waktu inilah Syarif Abdul Malik mulai melonjak namanya sebagai ulama yang terkenal di Pulau Manis, maka dengan sebab itu beliau lebih terkenal sebagai *Tukku Pulau Manis*. Tradisi pengajian pondok yang diasaskannya turut menarik ramai penuntut dari luar Terengganu termasuk Patani, Kelantan, Kedah dan Riau.

#### **4.2 Peranan Masyarakat Melayu Patani dalam Perkembangan Pendidikan Islam di Kuala Terengganu.**

Agama Islam merupakan teras pegangan akidah bagi masyarakat Melayu Patani sejak zaman berzaman lagi. Penyerapan Islam dalam budaya Melayu dikatakan berlaku melalui proses difusi “inter-society diffusion” dan juga “intra-society diffusion”<sup>7</sup>. Proses penting yang memainkan peranan utama dalam hal ini ialah asimilasi. Maka dengan sebab itulah Islam telah mengubah pandangan hidup Melayu terhadap diri dan sekitarannya. Patani yang terkenal sebagai pusat penyebaran Islam di nusantara selain Terengganu dan Melaka , telah melahirkan ramai ulama-ulama yang masyhur di seluruh pelusuk nusantara hingga ke Mekah. Kemunculan para ilmuwan Islam seperti Tok Syeikh Daud al- Fatani, Tok Syeikh Nik Mat Kechik Mekah, Tok Syeikh

---

<sup>7</sup> Koentjaraningrat, Prof. Dr., *Pengantar Antropologi*, Penerbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1970, hlm. 119-122.

Duyong, Tok Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas dan lain-lain secara langsung terus mengharum dan mencorakkan budaya dan syiar Islam di kalangan masyarakat hingga ke akar umbi. Peranan para ulama dari Patani mula menonjol pada pertengahan kurun ke – 19 bilamana keluarga Haji Wan Muhammad Amin ( Tok Syeikh Qadi ), Tok Syeikh Wan Abdul Kadir Bukit Bayas yang berundur dari Patani turut sama berperanan mencorak dan menanam kefahaman Islam di kalangan penduduk tempatan.<sup>8</sup> Ketibaan mereka di Terengganu adalah disebabkan oleh faktor peperangan yang berlaku antara Patani dan Siam pada tahun 1832. Terlalu ramai orang Melayu Patani lari menyelamatkan diri akibat dari peperangan tersebut. Namun sebelum daripada itu, Syeikh Daud al-Fatani juga pernah singgah dalam jangka waktu yang singkat di Pulau Duyong sewaktu diburu oleh pihak Siam dan kemudiannya beliau berangkat ke Mekah.<sup>9</sup>

a. Wan Abdullah bin Wan Muhammad Amin ( Tok Syeikh Duyong )

Tokoh ulama dari Patani yang paling terkenal dan berpengaruh ialah Wan Abdullah bin Wan Muhammad Amin yang juga dikenali sebagai Tok Syeikh Duyong (1802 – 1889). Beliau dilahirkan di Chabang Tiga, Patani. Keturunannya adalah berasal dari susur galur pembesar kerajaan Patani (lihat Salasilah A). Beliau memang amat terkenal sebagai ulama Patani yang

<sup>8</sup> Shafie Abu Bakar, Sejarah Perkembangan dan Pengaruh Pemikiran Ulama-Ulama Silam dalam Kehidupan Masyarakat Terengganu dan Alam Melayu, *Seminar Islam di Terengganu*, Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu, 14 – 17 Julai 1991.; \_\_\_\_\_, Identiti Keagamaan dan Tradisi Pengajian di Terengganu, *PESAKA*, 1983.; Lihat juga Yusof Embong, Peranan dan Sumbangan Ulama Terengganu (1800 – 1909), *PESAKA VII*, Monografi Lembaga Muzium Negeri Terengganu, 1992.

<sup>9</sup> *Dian*, Bil. 100, Ogos 1977, hlm. 94.

berperanan besar dalam bidang perundangan Islam di Terengganu. Tok Syeikh Duyong juga pernah berguru dengan Syeikh Daud al-Fatani bersama-sama dengan para ilmuan yang lain seangkatan dengannya seperti Syeikh Abdul Malik bin Isa, Sungai Rengas, Terengganu ; Syeikh Hasan bin Ishak, Tanjung Gong Surau, Besut, Terengganu dan lain-lain dari Kelantan, Sambas, Minangkabau serta Aceh.<sup>10</sup> Ketokohan beliau dalam bidang perundangan Islam amat terserlah berbanding ilmu-ilmu lain yang dikuasainya seperti Tasauf, Usuluddin, Tafsir, Hadis dan lain-lain. Antara kitab rujukan terkenal dalam pengajarannya ialah *Al-Fathul Jawad*(pembukaan yang elok) karangan Syeikh Ibnu Hajar al Haitam; *Minhaj Al Talibin*(panduan pelajar) karangan Imam Nawawi; *Al Umm*(Ibu) karangan Imam Shafie; *Al Fatwa Kubra* oleh Ibnu Hajar dan lain-lain.<sup>11</sup>

Sewaktu zaman kegembilangan Islam di Terengganu pada ketika itu, Pulau Duyong telah menjadi sebuah tempat yang terkenal sebagai pusat perkembangan ilmu Islam yang terkemuka di rantau Asia Tenggara sehingga ia disebut sebagai *Lidah Negeri Terengganu*. Tok Syeikh Duyong amat disenangi dan didampingi oleh keseluruhan peringkat masyarakat yang bermula dari rakyat hingga ke peringkat Sultan Terengganu sendiri. Malah Sultan Terengganu pada ketika itu, iaitu termasuklah Baginda Omar dan kemudiannya Sultan Zainal Abidin III, turut mendampingi beliau untuk sama-

<sup>10</sup> Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*, Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Kota Bharu, Kelantan, 1988, hlm. 30.

<sup>11</sup> Yusof Embong, *op.cit.*, hlm.23.

sama menimba ilmu daripadanya. Sementelahan pula beliau telah diangkat sebagai Mufti oleh Baginda Omar dengan gelaran Syeikh al-Ulama.

Beliau banyak membawa pulang kitab-kitab pengajian dari Mekah sewaktu sentiasa berulang alik ke sana dan digunakan untuk pengajarannya di Pulau Duyong. Pelajar-pelajar beliau terdiri daripada mereka yang datang dari seluruh pelusuk nusantara seperti Kelantan, Pahang, Patani, Sumatera, Brunei hingga ke Borneo. Beliau menggunakan kaedah pembelajaran secara *menadah kitab dan mendengar*.<sup>12</sup>

Penampilan ilmu dan ketokohan Tok Syeikh Duyong yang amat berpengaruh itu turut mencorakkan hala tuju pentadbiran dan politik negeri Terengganu. Peranannya jelas sewaktu bersama-sama menyokong Sultan Zainal Abidin III untuk diangkat menjadi Sultan Terengganu dan seterusnya membacakan doa selamat semasa pertabalan pada 18 Disember 1881.<sup>13</sup>

Tok Syeikh Duyong juga pernah diminta nasihat oleh Baginda Omar berkenaan dasar luar bilamana beliau telah berjaya mempengaruhi sultan untuk menyokong Wan Ahmad sewaktu perang saudara meletus antara Wan Ahmad dan Tun Mutahir di Pahang.

Peranan Pulau Duyong sebagai pusat penyebaran ilmu turut mengalami perubahan pada hari ini. Pulau Duyong tidak lagi memainkan peranannya seperti mana zaman kegemilangan Tok Syeikh Duyong dahulu.

---

<sup>12</sup> Kaedah pembelajaran seumpama ini menjadi kebiasaan di kebanyakan institusi pondok sama ada di Terengganu malah juga di tempat yang lain. Tok Syeikh Duyong mengadakan kelasnya di Masjid Pulau Duyong Kecil.

<sup>13</sup> Yusof Embong, *op.cit.*, hlm. 17.

b. Tok Syeikh Wan Abdul Kadir Bukit Bayas (WAK)

Tempat persinggahan pertama WAK setelah berhijrah dari Patani pada 1832 ialah di Kampung Patani, Kuala Terengganu. Namun ia hanya tempat persinggahan sementara, sebahagian besar waktu kehidupannya berada di kampung Bukit Bayas, Kuala Terengganu yang terletak lebih kurang 6 kilometer dari bandar Kuala Terengganu.

Beliau sememangnya mahir dalam pelbagai bidang ilmu seperti Usuluddin, Tasauf, Tafsir dan Hadis. Penumpuan pengajian beliau bukan sahaja bertempat di Bukit Bayas sahaja, malah meliputi pengajian di Kampung Paya Bunga, Duyong dan beberapa kampung yang lain. Tok Syeikh Duyong, Tok Ku Tuan Besar dan Baginda Omar sendiri pernah berguru dengannya. Antara kitab Tasauf yang terkenal pernah dihasilkannya ialah “*al-Manhalu's Safi fi bayani Rumuzi Ahli's Sufi*”.<sup>14</sup> Selain daripada itu, beberapa buah kitab lain turut menjadi bahan rujukan utama iaitu “*Inilah Himpunan yang Mengandungi Empat Puluh Satu Risalah*”(perbahasan oleh Syeikh Ibrahim bin Hassan al-Kurdi al-Kurani); kitab *Ihya Ulumiddin* dan kitab yang bertajuk “*Tempat Minum Air yang Bersih pada Menyatakan Isyarat-isyarat Ahli Tasawuf*”. (lihat Salasilah B di Lampiran C)

---

<sup>14</sup> Shafie Abu Bakar, Identiti Keagamaan dan Tradisi Pengajian di Terengganu, PESAKA, 1983, hlm. 10.

Pembentukan institusi pondok di Kuala Terengganu mula diusahakan pada akhir kurun ke-19 iaitu pada tahun 1883. Pondok berkenaan diasaskan oleh Tuan Guru Haji Wan Ahmad bin Wan Endut di Kampung Bukit Bayas<sup>15</sup> dan disusuli pula oleh Tuan Guru Haji Mat Shafie di Losong pada 1891 serta Tuan Guru Haji Abdul Hamid di Kampung Tebauk.

Keturunan Wan Naji (adik beradik Syeikh Wan Abdul Kadir Bukit Bayas) juga memainkan peranan penting dalam proses pendidikan Islam di peringkat masyarakat setempat. Haji Wan Yunus Kampung Hiliran (anak Wan Naji – lihat salasilah D di Lampiran C) adalah seorang yang alim dan dianggap keramat. Manakala Haji Wan Endut bin Haji Wan Yunus juga seorang yang alim, hafiz al-Quran malah pedagang lembu dan garam yang amat disegani di Losong dan Kampung Hiliran.<sup>16</sup>

Sementara itu, tokoh yang tidak kurang pentingnya ialah Haji Wan Ahmad Keramat Bukit Bayas (anak Haji Wan Endut). Beliau adalah seorang yang hafiz Quran, alim, warak dan mengajar di masjid Kampung Bukit Bayas. Beliau pernah ditawarkan jawatan Mufti oleh Sultan Ahmad Syah II (Marhum Baharu – [1876-1881] ) tetapi ditolaknya. Anak murid beliau terdiri bukan sahaja dari kalangan anak tempatan, malah menjangkaui hingga ke Kelantan, Pahang dan Patani. Haji Wan Ahmad dalam pengajarannya pernah mengingatkan supaya tidak mengambil sikap berbaik dan rapat dengan pihak


<sup>15</sup> Lihat *Salasilah D* dan *D(I)a*; Beliau lebih dikenali sebagai Haji Wan Ahmad Keramat Bukit Bayas al-Hafiz. Berkahwin dengan Wan Jamilah (cucu Syeikh Abdul Kadir). Keturunannya melahirkan beberapa tokoh penting dalam institusi pentadbiran negeri seperti Haji Wan Long (Hakim) dan Wan Long Muhd. Salleh (Dato' Sangsura Pahlawan).

<sup>16</sup> Temuramah dengan Haji Wan Abdullah bin Haji Wan Muda pada 5 Disember 1997 di Losong Haji Long, Kuala Terengganu.

istana atau sultan kerana dikhuatiri akan menghakis hubungan dengan Allah. Malah beliau tidak menggalakkan anak muridnya mendengar suara gendang yang dianggap melalaikan. Beberapa peristiwa yang agak unik dan dianggap keramat pernah berlaku kepada Haji Wan Ahmad, iaitu pakaianya tidak basah walaupun beliau berjalan di dalam hujan. Manakala pernah suatu ketika seorang penduduk kampung telah mengambil salah satu turus pagar rumah Haji Wan Ahmad untuk dijadikan kayu api bagi memasak manisan (gula Melaka), tetapi manisan yang sedang dimasak di dapur tidak juga masak sehinggalah ia meminta izin daripada Haji Wan Ahmad sendiri. Di samping itu, beliau pernah mewasiatkan kepada anak cucunya supaya tidak bekerja dengan kerajaan sehingga dia meninggal dunia.

Tradisi pengajian ilmu Islam yang bercorak pondok pada waktu dahulu turut disinambungkan dalam bentuk yang lebih moden pada hari ini dengan kewujudan sekolah agama dan institusi pengajian yang dilengkapi pelbagai kemudahan pembelajaran. Proses urbanisasi di bandar seperti Kuala Terengganu turut mempengaruhi corak pendidikan agama dan seumpamanya dari berkonsepkan pondok kepada institusi yang lebih moden termasuklah sekolah agama hingga ke peringkat kolej. Sekiranya pada akhir abad ke - 18 dan awal abad ke - 19, Pulau Duyong, Bukit Bayas, Losong dan Chabang Tiga serta lain-lain tempat mengamalkan tradisi pendidikan agama secara orientasi pondok, namun pada hari ini kebanyakan tradisi tersebut berubah kepada pendidikan yang lebih formal di sekolah-sekolah agama yang ditubuhkan oleh pihak kerajaan maupun persendirian. Sekolah agama yang

pertama ditubuhkan di Kuala Terengganu ialah Sekolah Agama Sultan Zainal Abidin pada 1932 dan diasaskan oleh seorang ulama Patani yang dikenali sebagai *Syeikh Muhammad Nor Patani* dari Mekah.<sup>17</sup>(lihat gambar 4.1) Cetusan penubuhan sekolah tersebut turut menjadi pemangkin kepada terdirinya sekolah – sekolah agama yang lain seperti Sekolah Khairiah (1942) di Kuala Terengganu untuk pelajar perempuan, Madrasah al-Falah (1944) Kemaman, Sekolah Mahmudiah (1956) di Kuala Berang dan lain-lain.(lihat gambar 4.2 dan 4.3)



Gambar 4.1 : Sekolah Agama Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu pada 1930-an.

<sup>17</sup> Shafie Abu Bakar, Identiti Keagamaan dan Tradisi Pengajian di Terengganu , PESAKA, 1983, hlm. 60.



Gambar 4.2 : Sekolah Melayu Ladang, Kuala Terengganu (1930-an).



Gambar 4.3 : Sekolah Tengku Ampuan Mariam, Paya Bunga, Kuala Terengganu (1950-an).

Peranan guru-guru agama dari Patani sejak dahulu hingga sekarang dalam proses pendidikan Islam telah mewarnai dan mencorakkan pemikiran dan perkembangan sistem sosial masyarakat Terengganu. Sebahagian besar pemimpin politik di Terengganu adalah terdiri daripada lepasan sekolah-sekolah Arab/Agama di Kuala Terengganu dan sekitarnya termasuklah Datuk Dr. Yusof Noor, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad (Menteri Besar Terengganu) dan lain-lain.

Berdasarkan kepada kajian, didapati bahawa guru-guru agama dari Patani ini pada hari ini juga menjadi pensyarah agama di Kolej Sultan Zainal Abidin (KUSZA), Kuala Terengganu, Ma'ahad Tahfiz Kerajaan Negeri Terengganu, Sekolah Menengah (Arab) Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu dan lain-lain. Di samping itu, kebanyakan daripada mereka ini mengajar secara sambilan di masjid atau surau di sekitar Kuala Terengganu. Waktu utama bagi mengadakan kuliah agama ini adalah seperti antara Maghrib dengan Isyak yang dikenali sebagai kuliah Maghrib. Manakala waktu khusus diadakan kuliah agama ini adalah pada hari cuti umum iaitu pada pagi hari Jumaat bermula dari jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari atau diteruskan hingga solat Jumaat.

Tokoh yang paling menonjol dari kalangan masyarakat Melayu Patani generasi baru ini ialah Ustaz Haji Abdul Rahman bin Ahmad. (lihat gambar 4.4)



Gambar 4.4 : Ustaz Haji Abdul Rahman bin Ahmad

Ustaz Haji Abdul Rahman bin Ahmad telah dilahirkan di Kampung Pombing pada 10 Jun 1929. Kampung Pombing terletak di daerah Penarik, Patani (Selatan Thailand). Bapanya yang bernama Ahmad bekerja sebagai pekebun biasa manakala ibunya pula bernama Wa'yah merupakan surirumah.

Beliau hanya mempunyai dua orang adik beradik termasuk seorang adik perempuan. Beliau dididik dan dibesarkan di kampung tersebut sehingga pada umur 7 tahun dihantar bersekolah kebangsaan Thai. Pembelajarannya di sekolah Thai itu tidak lama, iaitu sehingga ke darjah empat sahaja. Akhirnya beliau meneruskan pendidikannya di Pondok Kuala Beruas pada tahun 1941

di bawah pimpinan Ustaz Haji Abdul Rahman bin Mat Dahan. Selama lebih kurang 6 tahun belajar di pondok tersebut, beliau telah menghafal beberapa kitab kuning termasuklah *Jurumiyyah*, *Matan al-Fiyah*, *Matan Mimah* dan *Matan Ibrahim*.

Kemudiannya, beliau belajar pula di Pondok Buming selama tiga bulan ; seterusnya berpindah lagi ke Pondok Mo' Ngo ( dalam daerah Mayor ) selama lebih kurang empat bulan sahaja. Akhirnya dari situlah beliau meneruskan cita-citanya belajar ke Mekah pada tahun 1948. Pada waktu itu beliau berumur 18 tahun. Beliau telah pergi seorang diri bersama jemaah haji ke Mekah dengan kapal. Buat pertama kalinya beliau belajar secara lebih umum di Masjid al-Haram dan juga lain-lain tempat di sekitar Kota Mekah. Setelah lima tahun belajar di sana beliau telah berkahwin dengan Fatimah binti Haji Abdul Rahman. Namun isterinya telah kembali ke rahmatullah ketika melahirkan anaknya yang pertama.

Ustaz Haji Abdul Rahman mula belajar di dalam institusi yang lebih moden di Madrasah Saudiyah Makkatul Mukarramah sehingga kelas 6 di bawah kelolaan kerajaan Arab Saudi. Akhirnya pada tahun 1953, beliau telah tamat pelajarannya di peringkat rendah dengan memperolehi syahadah Ibtidaiyah di bawah pimpinan Ustaz Nordin Palembang. Kemudiannya beliau melanjutkan pelajarannya dan melengkapkan dua lagi syahadah ke peringkat Mutawatsit dan Tsanawiyah di Maahad al-Ilmi al-Saudiyah hingga akhir tahun 1957.

Buat kali keduanya beliau berkahwin pula dengan Maryam binti Wan Ismail ( Pak Da Ail Patani )<sup>18</sup> dan dikurniakan seramai dua orang cahaya mata yang bernama Abdullah dan Muhammad Amin.

Seterusnya pada tahun 1959, beliau mula memasuki Fakulti Syariah ( Jami'ah Ummul Qura ). Namun begitu, setelah dua tahun berada di Kulliyah Syariah, beliau diserang penyakit yang memaksa beliau berhenti dan pulang ke kampung halamannya di Patani. Sepanjang pengajian sewaktu di Mekah, beliau telah sempat menimba ilmu daripada tokoh ulama terkenal di sana, termasuklah Syeikh Abdul Kadir al-Mandili, Syeikh Abdul Rahim Idris al-Kalantani, Haji Nuh Filfilani, Syeikh Daud Sulaiman al-Kalantani, Tok Ahyad, Pak Da Ail dan lain-lain. Antara kitab-kitab ilmu tatabahasa Arab yang pernah Tuan Guru Haji Abdul Rahman pelajari daripada Pak Da Ail adalah seperti *Kitab Matan Azhari*, *al-Fakihi*, *Ibn Aqil* dan *Hasyiah al-Sibyan* (kitab Nahu) dan *Syuruh Talkhis* (kitab Balaghah).<sup>19</sup>

Sekembalinya ke Patani pada 1961, beliau telah mengasaskan sebuah sekolah pondok, iaitu Mu'assasah As-Tsaqafah Al-Islamiyah Pombing, di daerah Penarik, Patani.

<sup>18</sup> Pak Da Ail Patani (1882 – 1965) atau nama sebenarnya Wan Ismail bin Wan Abdul Kadir bin Mustafa al-Fatani adalah merupakan tokoh ulama Patani yang amat terkenal di Mekah. Beliau adalah sezaman dengan tokoh ulama Patani yang juga masyhur seperti Tok Bermin, Haji Ahmad Feluan, Haji Abdul Rashid Bandar, Pak Cu Yeh Tok Raja Haji dan lain-lain. Haji Wan Abdul Rahman bin Wan Long ( Dato' Purba Diraja ) – bekas Kadi Besar Terengganu juga merupakan bekas anak murid Pak Da Ail. Lihat Ahmad Fathy al-Fatani, *Pak Da Ail Patani (1882 –1965)*, dalam Ismail Che Daud, *Tokoh -Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (2)*, Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Kota Bharu , 1996, hlm. 99 – 117.

<sup>19</sup> Ahmad Fathy al-Fatani, *ibid.*, hlm. 105.

Sekolah pondok tersebut telah didirikan di atas tanah wakaf daripada orang ramai seluas lebih kurang 30 ekar. Pada peringkat awal penubuhannya, hanya 20 orang sahaja pelajar yang belajar di pondok tersebut termasuk lelaki dan perempuan. Sekarang pondok yang telah menjadi moden itu telah mempunyai pelajar seramai lebih kurang 800 orang kesemuanya. Manakala mudirnya adalah Ustaz Haji Abdul Rahim bin Abdullah (merupakan anak saudara dan bekas muridnya). Pengendalian pondok tersebut terpaksa diambil alih oleh anak saudaranya setelah beliau terpaksa melarikan diri ke Kelantan dan Terengganu pada awal tahun 1980-an.

Pada awal tahun 1980 dan 1981, ketegangan politik semakin memuncak di Patani bila mana pihak junta Thailand telah melancarkan pemburuan secara besar-besaran ke atas mereka yang menentang kerajaan Thai dan salah seorangnya adalah Ustaz Haji Abdul Rahman bin Ahmad sendiri. Justeru itu, dengan tekanan dan suasana yang tidak mengizinkan beliau tinggal di sana lebih lama, maka pada tahun 1981, beliau bersama dengan 2 orang rakan yang lain terus melarikan diri ke Kota Bharu, Kelantan. Salah seorang rakan yang bersama dengannya ialah Haji Mohd Amin bin Haji Sulong (anak Tuan Guru Haji Sulong).

Pada ketika itu beliau bersama rakannya terpaksa menyewa rumah di Kampung Lundang, Kota Bharu. Dalam pada itu, beliau telah membawa keluarganya dari Patani ke Kota Bharu. Penghijrahan yang dilalui itu bukanlah sesuatu yang mudah, malah terpaksa menghadapi pelbagai rintangan dan halangan termasuklah tidak mempunyai kad pengenalan diri.

Menurut Haji Abdul Rahman sendiri, kedatangan beliau ke Malaysia adalah juga kerana dibantu dengan dasar simpati dan peri kemanusiaan penduduk tempatan selain pertolongan keluarga yang berada di Semerak, Pasir Puteh, Kelantan. Pihak Jabatan Imigresen juga turut menghulur simpati dengan mengeluarkan kad pemastautin sementara. Setelah empat bulan menetap di Lundang, beliau telah berhijrah seorang diri ke Kuala Terengganu untuk mencari sumber rezeki di samping memandangkan keselamatan beliau masih lagi tidak terjamin apabila berada di Kota Bharu.

Pada bulan Februari 1982, beliau mulai ditawarkan untuk mengajar di Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu apabila kolej tersebut yang baru dibuka masih kekurangan pensyarah. Pada ketika itu beliau hanya menumpang di rumah kawannya di Kuala Terengganu. Beliau turut disokong dan dibantu oleh rakan-rakannya dari Terengganu yang belajar bersama dengannya sewaktu di Mekah, termasuklah Mufti Negeri Terengganu pada ketika itu iaitu Haji Wan Abdul Manan bin Haji Wan Yaakub (juga berketurunan Melayu Patani dari generasi Tok Syeikh Duyong). Beliau bernasib baik apabila mula mendapat kad pengenalan yang sah sebagai warganegara Malaysia pada 1983 di Kelantan.

Pada hari ini dengan berkat kesabaran dan kegigihan berada di perantauan, beliau telah mempunyai tanah dan rumah sendiri di Kuala Ibai, Kuala Terengganu di samping menyandang beberapa jawatan penting seperti Pensyarah KUSZA, ahli Majlis Fatwa Negeri Terengganu, ahli Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu dan Yang Di Pertua Majlis


Ulama' Patani di Malaysia dan Patani. Dalam pada itu, beliau juga turut menyumbang bakti dengan menjadi penceramah pelawat yang mengajar agama di masjid-masjid di sekitar Kuala Terengganu berpandukan perbahasan terhadap kitab-kitab yang muktabar. Beliau lebih popular di kalangan masyarakat tempatan yang juga menjadi anak muridnya sebagai Ustaz Abdul Rahman al-Patani.

Menurut Haji Abdul Rahman, Majlis Ulama' Patani telah ditubuhkan secara tidak langsung di Malaysia yang terdiri daripada 14 orang ahli jawatankuasa. Majlis tersebut mempunyai 5 orang penasihat yang berada di Patani, manakala 10 orang sebagai ahli Jawatankuasa Pusat dan ahli yang lain di Kelantan sebanyak 3 orang, Terengganu (3 orang), Perak (2 orang), Kuala Lumpur dan Selangor (2 orang). Setiap negeri di Semenanjung mempunyai jawatankuasa Majlis Ulama sendiri yang bergerak bebas dalam negeri masing-masing.


Berdasarkan kepada pendapat berkenaan Persatuan Muhajirin Patani yang diasaskan olehnya pula, antara objektif utama yang ingin dicapai ialah untuk menyatupadukan masyarakat Melayu Patani yang tinggal berselerak di Terengganu di bawah satu bumbung naungan badan kebajikan sendiri agar segala permasalahan dan perkara yang berkaitan dapat diselesaikan secara kolektif.

Setelah 14 tahun menetap di Terengganu, Haji Abdul Rahman telah dapat hidup dengan aman dan selesa serta mempunyai 22 orang anak kesemuanya hasil perkongsian hidup dengan 4 orang isteri. Walau

bagaimanapun, dua orang isterinya telah meninggal dunia iaitu seorang di Mekah dan seorang lagi di Patani. Kesemua isterinya adalah merupakan bangsa Melayu Patani sendiri. Justeru itu, seramai 5 orang dari keseluruhan anaknya telah dapat melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi di Malaysia dan Timur Tengah seperti Universiti Malaya, Universiti Islam Antarabangsa, Institut Teknologi Mara dan Universiti al-Bayt, Jordan.




Gambar 4.5 : Rumah Tuan Guru Haji Abdul Rahman di Kuala Ibai.




Gambar 4.6 : Surau yang didirikan bersebelahan rumah Tuan Guru Haji Abdul Rahman sebagai tempat menyampaikan kuliah agama.



Gambar 4.7 : Deretan bangsal ringkas dibina untuk mengajar Fardhu Ain dan lain-lain.



Gambar 4.8 : Kuliah agama disampaikan pada setiap pagi Jumaat.




Gambar 4.9 : Koleksi kitab yang disimpan di ruang tamu rumah Tuan Guru Haji Abdul Rahman.



Gambar 4.10 : Koleksi foto simpanan Haji Abdul Rahman sewaktu penglibatannya di Pondok Pombing, Patani.



Gambar 4.11 : Kelihatan sebahagian pelajar lelaki dan perempuan di Pondok Pombing.




Gambar 4.12 : Kelihatan para pelajar di samping bangunan sekolah yang masih dalam pembinaan.



Gambar 4.13 : Sebilangan guru dan kedai koperasi untuk pelajar.




Gambar 4.14 : Ust. Abdul Rahman menjadi penterjemah sewaktu lawatan Duta Arab Saudi ke Patani. (atas kiri ).



Gambar 4.15 : Ustaz Abdul Rahman bersama rakan seperjuangan di Mekah semasa belajar di sana.

Antara lain tokoh masyarakat Melayu Patani generasi baru dalam bidang agama ini ialah Tuan Guru Haji Muhammad bin Haji Abdul Majid (lihat gambar 4.16). Beliau yang berasal dari Patani dilahirkan di Mekah pada 1 April 1941. Beliau mempunyai 7 orang adik beradik dan mendirikan rumah tangga dengan Hajjah Kamiliah binti Abdul Aziz yang berasal dari Jabi, Patani. Sepanjang perkongsian hidup dengan isterinya, beliau telah dikurniakan seramai 7 orang cahaya mata yang terdiri daripada 4 lelaki dan 3 perempuan.



Gambar 4.16 : Tuan Guru Muhammad Haji Abdul Majid

Tuan Guru Haji Muhammad mendapat pendidikan tertinggi di Universiti Al-Azhar, Mesir dari tahun 1964 hingga 1970. Sejarah penghijrahan beliau agak panjang sebelum menetap di tanahnya sendiri di Kampung Gong Pak Maseh. Sebelum mengajar di Sekolah Menengah Ugama Sultan Zainal Abidin pada ketika ini, beliau pernah berkhidmat sebagai guru agama di Maktab Pengajian Islam, Kota Bharu, Kelantan, Sekolah Ugama al-Falah di Pasir Mas dan Pondok Moden Telong, Bachok.

Sebagai seorang ilmuan yang mempunyai kesedaran tinggi dalam menyampaikan dakwah Islam kepada masyarakat, beliau turut mengajar di masjid sekitar Kuala Terengganu. Antara kitab yang menjadi tumpuan utamanya adalah merangkumi bidang Hadis, al-Quran, Tasauf, Sirah dan Fekah seperti *Hadis al-Bukhari*; *al-Itqan fi Ulum al-Quran*; *Nurul Yaqin*; *Tarikh Islam*; *Usul Fiqh*; *Mustalah Hadis*; *Risalah Tahawiyah*; *Al-Jawabul Faasil*; *Tafsir al-Jalalain* dan lain-lain.

Malah dengan berkat kegigihan beliau untuk menyebarkan ilmu kepada masyarakat, Tuan Guru Haji Muhammad telah menghasilkan beberapa risalah seperti *Amalan Untuk Menyembuhkan Sihir* dan *Pertawarkan Segala Pukauan* dan *Konsep Mengenal Ketuhanan Allah (Tauhid Salaf dan Khalaf)* serta menterjemah kitab Tauhid terkenal yang bertajuk *Aktidah Thohawiyah* karangan Abu Jaafar Ahmad bin Muhammad bin Salamah (239H hingga 321H).<sup>20</sup>

---

<sup>20</sup> Lihat lampiran R.

Kesinambungan sistem pendidikan khususnya pendidikan agama amat diambil berat oleh kelompok Melayu Patani generasi baru di sini. Pelbagai inisiatif telah diadunkan merangkumi peringkat dalam dan luar. Pada peringkat dalaman, mereka mengusahakan pusat asuhan Islam di Losong Haji Mat Shafei, manakala pada peringkat luaran pula mereka mengambil inisiatif yang berani dengan memberikan ruang dan mendedahkan pelajar dari Patani untuk menimba ilmu pada peringkat tinggi di Terengganu khususnya di Kolej Sultan Zainal Abidin(KUSZA).

Dasar kemasukan dan pengambilan pelajar dari Patani ke KUSZA telah diilhamkan oleh Ustaz Abdul Rahman dan ianya bermula pada tahun 1990 dengan kuota pengambilan sebanyak 10 orang.<sup>21</sup> Pemilihan ini dibuat berdasarkan kuota yang berasingan daripada pelajar Malaysia sendiri. Di samping itu, kesemua temuduga dan peperiksaan diadakan di Patani. Malah pada waktu ini terdapat seramai 31 orang pelajar Melayu Patani yang belajar di KUSZA (1996). Tanggungjawab untuk proses pengambilan pelajar tersebut dilaksanakan oleh Ustaz Ahmad bin Abdul Rahman sendiri yang berulang alik dari Patani dan Terengganu pada setiap tahun.

Walaupun demikian, terdapat juga halangan dalam usaha mereka membawa pelajar Patani ke Terengganu disebabkan oleh timbulnya prasangka buruk di kalangan Melayu Patani sendiri di sana.

<sup>21</sup> Temuramah bersama Ustaz Ahmad bin Abdul Rahman di Gong Badak, Kuala Terengganu pada 15 Jun 1996. Beliau merupakan salah seorang dari tiga orang tenaga pensyarah Melayu Patani di KUSZA yang berperanan membawa masuk pelajar dari Patani.

Mereka dianggap sebagai tali barut atau mata-mata dari Malaysia yang berperanan mengkaderkan pelajar terbabit untuk menentang mereka.

Menurut beliau lagi, dasar pendidikan Thai yang diterapkan oleh pihak kerajaan terhadap institusi pendidikan tempatan telah menyebabkan keseluruhan program pendidikan Islam yang dirangka sebelumnya terpaksa berkongsi tempat dengan pendidikan Thai. Dasar tersebut juga memberi kesan asimilasi yang hebat terhadap ramai generasi masyarakat Melayu Patani. Malah lebih ramai ibu bapa mulai menggalakkan anak-anak mereka belajar di Timur Tengah.

Suasana dan faktor menolak yang jelas masih wujud di Patani telah menggerakkan usaha bersepadu dari kalangan masyarakat Melayu Patani di perantauan, khususnya di Terengganu sendiri untuk menyediakan tempat terbaik sekurang-kurangnya bagi melahirkan generasi ulama yang mampu memikul peranan penting menyampaikan risalah Islam di muka bumi ini.

#### **4.3 Kesimpulan**

Kelangsungan tradisi keilmuan khususnya pendidikan Islam telah berlaku semenjak Terengganu di bawah takluk Patani Besar. Walaupun Terengganu lewat dua abad menerima pengaruh Islam dari Patani iaitu sekitar abad ke-13 Masihi, ianya jelas memperlihatkan betapa golongan alim ulama dan para pembesar negeri yang memainkan peranan menyebarkan ilmu pendidikan Islam kepada masyarakat. Kehadiran ulama tersohor dari Patani ke Terengganu turut mewarnai kehidupan beragama masyarakatnya. Pada

zaman Sultan Zainal Abidin I lagi telah ada seorang ulama yang juga Hakim Besar iaitu dikenali sebagai Tok Imam Mahmud dari Patani. Malah nama besar seperti Tok Syeikh Duyong dan Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas telah mengangkat nama negeri Terengganu sebagai sebuah negeri yang disegani dari segi pusat penyebaran Islam. Institusi pendidikan Islam seperti pondok begitu terkenal sebagai pusat pendidikan formal pada peringkat awal. Bentuk institusi pendidikan berorientasikan pondok ini turut berubah kepada bentuk persekolahan apabila elemen pendidikan melalui proses pemodenan. Generasi Melayu Patani terus mempelopori penubuhan sekolah agama rakyat di Kuala Terengganu dan menjadi pemangkin kepada penubuhan institusi pendidikan di Terengganu kemudiannya.

Kelompok masyarakat Melayu Patani generasi baru juga berperanan dalam usaha pendidikan Islam khususnya mengajar di masjid dan surau di sekitar Kuala Terengganu. Terdapat sebilangan daripada mereka menjawat jawatan sebagai pensyarah di Kolej Sultan Zainal Abidin (KUSZA) dan Maahad Tahfiz di bawah kelolaan kerajaan negeri Terengganu. Malah mereka juga turut menubuhkan pusat pengajian Al-Quran dan Fardhu Ain di Losong untuk kemudahan masyarakat setempat dan anak-anak mereka sendiri. Kelompok mereka amat dihormati di kalangan masyarakat setempat.